

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26/08/2017C

Kereta nasional baharu: Tun M tidak berpijak di bumi nyata

UM-26/8/2017 pg. 6

KUALA LUMPUR 25 Ogos - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu lebih realistik dengan berpijak di bumi nyata berhubung cadangannya bagi menubuhkan sebuah lagi syarikat kereta nasional.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, bekas Perdana Menteri itu perlu tahu dengan persaingan yang melibatkan industri berkenaan pada masa kini.

"Kita sokong industri melibatkan industri kereta nasional. Tetapi apa yang penting adalah kita perlu bersikap realistik.

"Pada saya, apa yang berlaku sekarang dengan adanya kerjasama antara Proton dan syarikat luar negara, ia akan menjamin syarikat tersebut (Proton) bersaing menghadapi cabaran-cabaran mendatang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Sektor Logistik, Pos dan Perkhidmatan Teknologi Komunikasi Maklumat Union Network International Asia Pacific Regional Organisation (UNI-APRO) Kelima di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja



SALLEH SAID KERUAK (kiri) bersalaman dengan para peserta Persidangan Sektor Logistik, Pos dan Perkhidmatan Teknologi Komunikasi Maklumat Union Network International Asia Pacific Regional Organisation (UNI-APRO) Kelima di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

Antarabangsa Malaysia, Datuk Mohamed Shafie BP Mammal.

Beliau mengulas laporan portal berita Free Malaysia Today mengenai bekas Perdana Menteri itu yang berhasrat untuk menubuhkan sebuah syarikat kereta

nasional.

Dalam pada itu, Salleh berkata, revolusi internet peringkat global kini berkembang maju dan memasuki fasa baharu yang merubah banyak sektor dan landskap di negara ini.

"Dunia kini semakin berkembang dalam era digital dan fizikal. Masyarakat yang ketinggalan tidak mampu bersaing untuk muncul sebagai juara dalam banyak aspek terutama ekonomi," ujarnya.